



# BULETIN

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

PERNIAGAAN ANDA BERMULA DI SSM

Program Outreach

SSM Turun Padang

Syarikat Francais dan Produk  
Malaysia Kini di China

Skim Pelaburan Haram

**BANTERAS  
KE AKAR UMBI!**





Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

Tak makan saman! Mungkin itulah ungkapan yang paling sesuai dikaitkan dengan sikap rakus segelintir rakyat Malaysia yang hendak kaya dengan jalan mudah melalui skim pelaburan cepat kaya tetapi akhirnya berputih mata apabila ditipu dan hilang berpuluh-puluh ribu wang ringgit.

Bukan itu sahaja, malah ada yang tergadai harta benda untuk dijadikan modal bagi tujuan pelaburan tersebut. Inilah senario yang cuba kita kupas kali pada terbitan buletin kali ini di mana sidang editorial ingin membawa pembaca mendekati punca kenapa masih ada di kalangan kita yang masih tidak serik-serik ditipu oleh pihak tertentu melalui skim-skim pelaburan haram. Malah melalui terbitan buletin kali ini, pihak kami ingin memberi gambaran jelas tentang modus operandi dan ciri-ciri pelaburan yang tidak sah untuk panduan masyarakat agar tidak terjerumus ke kancah penipuan itu.

Selain itu, buletin kali ini juga menyingkap tentang usaha SSM yang kini sedang giat turun padang melalui Program Outreach bagi tujuan mendekati masyarakat pengguna untuk memberi kesedaran tentang fungsi dan peranan SSM. Inisiatif ini telah mendapat pujian daripada YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob yang menyeru agar program sebegini patut diteruskan bagi memudahkan rakyat berurusan dengan SSM terutamanya yang tinggal jauh daripada pejabat SSM.

Sebenarnya banyak lagi artikel lain yang menarik dalam bulletin ini untuk santapan pembaca. Walau bagaimanapun apa yang paling unik pada buletin kali ini ialah terdapat satu lagi ruangan baru diwujudkan bagi tujuan hiburan dan pada masa yang sama menguji minda si pembaca iaitu ruangan kuiz berbentuk silang kata. Semua soalnya adalah berkaitan dengan SSM. Marilah kita sama-sama mencuba tahap kecerdasan minda kita.

Selamat membaca!

**Zahrah Abd. Wahab Fenner**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan)

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

#### KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SSM

Dato' Azmi Bin Ariffin  
azmiariffin@ssm.com.my

### KETUA PENGARAH

#### TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Zahrah Abd. Wahab Fenner  
zahrah@ssm.com.my

### PENGARANG / PENYELARAS PENERBITAN

Mohamad Shahren Mohamad Yusri  
shahren@ssm.com.my

### PENGARANG

Suzana Mohd Razali  
suzana@ssm.com.my

### KETUA EDITOR

Wan Zarazilah Wan Abu Bakar  
wanzarazilah@ssm.com.my

### PENOLONG KETUA EDITOR

Mohammad Arif Nizam Bin Abdullah  
arifnizam@ssm.com.my

### PENULIS / PENYUMBANG BAHAN

Mohamad Shahren Mohamad Yusri  
Iskandar Zulkarnain Khalid  
Mohd Zawawi Ahmad

### JURUGAMBAR

Wan Indera Luthfi Wan Abu Bakar  
Mohd Haini Eszuandi Zainoren

### PENGUMPUL MAKLUMAT

Zubaidah Yusof  
Mohd Rafique Kosnin

### PENGEDARAN

Hairul Adhar Ramli  
Mohd Haini Eszuandi Zainoren

# KANDUNGAN



program Outreach SSM <sup>ms04</sup>

syarikat francais & produk <sup>ms08</sup>  
MALAYSIA kini di CHINA

TIPS berguna <sup>ms11</sup>

santai Minda <sup>ms15</sup>

Tahukah anda? <sup>ms16</sup>

kerana mahu Cepat Kaya, <sup>ms18</sup>  
ramai individu Terpedaya

Direktori <sup>ms29</sup>

Peristiwa bergambar <sup>ms30</sup>

Kemudahan untuk disewa <sup>ms32</sup>



## SSM TURUN PADANG BERI KEMUDAHAN KEPADA MASYARAKAT

Program Outreach tarik 2,000 orang

Oleh Shahren Yusri

### Sijil Pendaftaran Perniagaan SSM Kini Boleh Diperbaharui Di BSN

Golongan peniaga yang tinggal di pedalaman atau jauh dari pejabat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tidak perlu lagi bimbang sekiranya ingin memperbaharui sijil pendaftaran perniagaan mereka.

Ini kerana kini, urusan tersebut boleh dilakukan di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) yang berdekatan dengan anda dalam masa terdekat ini.

Inisiatif ini merupakan hasil kerjasama SSM dan BSN bagi tujuan memudahkan komuniti peniaga yang mungkin sukar mengunjungi pejabat SSM kerana terletak jauh dari tempat tinggal mereka.

Usahasama SSM dan BSN ini telah diumumkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Yang Berhormat Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob ketika merasmikan "Program Outreach SSM Bersama Masyarakat Felda" di Dewan Orang Ramai, Felda Mayam pada 23 April 2011 baru-baru ini.

"Inisiatif ini adalah kerjasama antara SSM dan bersama pihak BSN bagi tujuan memudahkan komuniti peniaga terutamanya yang berada jauh di pedalaman," kata beliau pada majlis sidang media yang diadakan selepas majlis peramaian tersebut.

Ismail Sabri memberitahu, SSM mengadakan kolaborasi strategik dengan pihak BSN kerana institusi kewangan itu memiliki 380 buah cawangan di seluruh Malaysia sama ada di Bandar atau di pedalaman.

"BSN banyak cawangan dan ia mungkin wujud di tempat yang mana SSM tidak mempunyai pejabat atau kaunter di situ. Jadi keadaan ini secara langsung akan memudahkan komuniti peniaga yang ingin memperbaharui sijil pendaftaran perniagaan SSM," jelasnya lagi.

Program Outreach Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang diadakan di Felda Mayam, Bera pada 23 April 2011 lalu mendapat sambutan ramai.

Lebih 2,000 penduduk sekitar di situ membanjiri Dewan Orang Ramai Felda Mayam dari jam seawal 8 pagi hingga jam 5 petang.

Menariknya program tersebut dikunjungi oleh pelbagai lapisan masyarakat termasuk yang tua dan muda. Tidak ketinggalan juga golongan kanak-kanak.

Antara aktiviti yang menjadi tumpuan pada program tersebut ialah pertandingan kuiz mengenai SSM dan gerai-gerai pameran. Selain itu, program taklimat kepentingan pemerbadanan syarikat dan mendaftarkan perniagaan juga mendapat sambutan.

Namun aktiviti yang cukup mencuri perhatian pengunjung ialah taklimat berkaitan skim kepentingan atau skim pelaburan cepat kaya.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Dato' Azmi Ariffin, program Outreach sebegini telah dilaksanakan sejak tahun 2006 yang dianjurkan bersama Pihak Berkuasa Tempatan dan juga pihak Universiti bagi memastikan orang ramai memahami tentang peranan dan fungsi SSM secara mendalam.

"Walau bagaimanapun ini kali pertama berkolaborasi dengan pihak masyarakat Felda" katanya.

Beliau menambah program ini telah mendapat sokongan pelbagai pihak seperti pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan agensi di bawahnya seperti Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Bank Kerjasama Rakyat, Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dan Maktab Kerjasama Malaysia (MKM). Selain itu dijemput juga agensi lain seperti BSN, CELCOM, TEKUN dan MARA untuk mengadakan pameran dan memberi taklimat berkaitan operasi mereka.

"Ini pasti akan memudahkan orang ramai mendapatkan pelbagai maklumat dan nasihat bukan sahaja tentang bagaimana caranya untuk mendaftarkan perniagaan dengan SSM malah peluang untuk mendapatkan pinjaman kewangan atau cara meluaskan perniagaan dan sebagainya" ujarnya.

Di samping itu, beliau turut memberitahu para pengunjung yang hadir pada program ini boleh mendaftarkan perniagaan baru ataupun memperbaharui sijil pendaftaran perniagaan dan melakukan perubahan butir-butir perniagaan secara serta merta melalui kaunter bergerak SSM yang disediakan.

"Ini pasti akan memudahkan orang ramai mendapatkan pelbagai maklumat dan nasihat bukan sahaja tentang bagaimana caranya untuk mendaftarkan perniagaan dengan SSM malah peluang untuk mendapatkan pinjaman kewangan atau cara meluaskan perniagaan dan sebagainya"

"Inisiatif ini merupakan hasil kerjasama SSM dan BSN bagi tujuan memudahkan komuniti peniaga yang mungkin sukar mengunjungi pejabat SSM kerana terletak jauh dari tempat tinggal mereka."

05



**BANK  
SIMPANAN  
NASIONAL**



# 1

Menteri melawat booth SSM sambil diperhatikan oleh Dato' Azmi Bin Ariffin.



# 2

Kakitangan SSM memberikan "Goodie Bag" kepada masyarakat FELDA yang datang mendaftar di kaunter pendaftaran SSM.



# 3



Kaunter bergerak SSM.



# 4

YB Menteri bersama Dato' Azmi beramah mesra bersama masyarakat FELDA.

## Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan





PENAMPILAN  
ANDA  
TIDAK LENGKAP  
TANPA  
SEBUAH  
SENYUMAN



## Sentiasa Memberi Layanan Dengan Senyuman

Senyuman adalah budaya masyarakat Malaysia yang berbudi luhur



SYARIKAT  
FRANCAIS &  
PRODUK  
MALAYSIA  
KINI DI CHINA

Oleh Shahren Yusri





8 Mei 2011 - Ismail Sabri melakukan demonstrasi masakan makanan Malaysia selepas merasmikan Program Taste of Malaysia Pasaraya Tesco Happy Valley Beijing, China.

**BEIJING** - Kalau ada rakyat tempatan yang melancong, bekerja atau belajar di Beijing, China dan merindui makanan citarasa Malaysia, kunjungilah Pasaraya Tesco, Happy Valley di sana.

Ini kerana terdapat 59 produk makanan Malaysia dijual di pasaraya berkenaan yang terdiri daripada pelbagai jenama antaranya Jeli Sri Nona, Minuman Pitaberry, Kopi Hang Tuah, Snek Ubi Tapioca dan Ikan Sardin Pertama Terengganu.



Ismail Sabri membuat lawatan rasmi ke Pasaraya Tesco Happy Valley, Beijing untuk melihat produk keluaran Malaysia.

Menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Yang Berhormat Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, 59 produk berkenaan telah mendapat kelulusan daripada kerajaan tempatan China dan kini dijual di pasaraya Tesco berkenaan.

“Dengan adanya produk makanan dijual di pasaraya berkenaan membuktikan produk makanan jenama Malaysia mampu menembusi pasaran negara China dan sebaris dengan produk makanan berjenama antarabangsa yang lain.” ujar beliau ketika berucap dalam majlis perasmian Program Taste of Malaysia di Pasaraya Tesco, Happy Valley Beijing, China pada 8 Mei 2011 lalu.

Program Taste of Malaysia mula diperkenalkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan

Kepenggunaan (KPDNKK) dan kali pertama dirasmikan pada tahun 2005 di Hong Kong.

Program ini bertujuan mempromosi dan mengetengahkan produk Malaysia di pasaran antarabangsa. Selain Hong Kong, program yang sama juga pernah dibawa ke Singapura, Jakarta, London, Paris, Hong Kong and Dubai.

Dalam perkembangan yang sama, Ismail Sabri memberitahu pihak KPDNKK mensasarkan 100 produk hasil keluaran usahawan tempatan yang merangkumi produk makanan dan bukan makanan akan disenaraikan untuk memasuki pasaran China pada akhir tahun ini.

“Saya amat berharap semua produk ini akan mendapat sambutan di pasaran Negara China khususnya di Beijing. Sekarang ini pihak KPDNKK sedang bekerjasama dengan pihak pengeluar produk tempatan dan Pasaraya Tesco Malaysia untuk memastikan setiap produk yang memasuki pasaran Beijing memenuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan negara tersebut.” tegas beliau.

“Dengan adanya produk makanan dijual di pasaraya berkenaan membuktikan produk makanan jenama Malaysia mampu menembusi pasaran negara China dan sebaris dengan produk makanan berjenama antarabangsa yang lain.”

Pada masa yang sama, beliau turut menyarankan agar pihak pengeluar produk di Malaysia perlu lebih agresif dalam usaha mencari peluang-peluang baru untuk mempelbagai dan memperkembangkan pasaran perniagaan yang sedia ada.

“Untuk mencapai matlamat tersebut, pengeluar produk tempatan perlu peka dengan kewujudan teknologi terkini dan menggunakan teknologi tersebut bagi meningkatkan produktiviti sekaligus mengukuhkan kedudukan perniagaan mereka di pasaran tempatan mahupun pasaran antarabangsa.” kata beliau.

Program ini bertujuan mempromosi dan mengetengahkan produk Malaysia di pasaran antarabangsa.

**BEIJING** - Penyertaan Malaysia dalam pameran China Franchise Expo 2011 di Beijing, China baru-baru ini memberi laluan kepada 11 syarikat francais tempatan mengembangkan perniagaan mereka di negara berkenaan.

Syarikat tersebut adalah England Optical Group Sdn. Bhd., Daily Fresh Foods Sdn. Bhd., Proquaz Sdn. Bhd., Cambridge English For Life Sdn. Bhd., D'Tandoor Food Industries Sdn. Bhd., Station One Products Sdn. Bhd., Rakyat Management Sdn. Bhd., Sahabat SMI Consulting Sdn. Bhd., 501 Millenium Sdn. Bhd. dan Grand Master Global Sdn. Bhd.



7 Mei 2011 - Ismail Sabri (tengah) bersama delegasi daripada Malaysia merasmikan tapak pameran KPDNKK dan pengusaha produk tempatan di China National Convention Centre Beijing, China.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Yang Berhormat Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang mengetuai rombongan pengusaha tempatan dalam ekspo berkenaan memberitahu 11 syarikat francais berkenaan telah berjaya membuat rundingan awal dengan bakal-bakal pelabur China dengan melakukan transaksi perniagaan sejumlah RM13.45 juta.

“Ini merupakan satu kejayaan besar bagi syarikat francais Malaysia kerana dapat menembusi pasaran perniagaan di China dan jumlah transaksi ini dijangka akan meningkat apabila syarikat berkenaan membuat rundingan lanjutan dengan pelabur-pelabur China kelak.” kata beliau dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dalam kenyataan tersebut Ismail Sabri memberitahu ini merupakan ke julung-julung kalinya negara Malaysia menyertai ekspo berkenaan yang berlangsung mulai 7 Mei hingga 9 Mei 2011 di China National Convention Centre.



8 Mei 2011 - Ismail Sabri memukul gong ketika merasmikan Program Taste of Malaysia yang diadakan di Pasaraya Tesco Happy Valley Beijing, China. Disaksikan Ketua Pegawai Eksekutif, Tjeerd Jegen, Pasaraya Tesco Malaysia.

“Ini merupakan satu kejayaan besar bagi syarikat francais Malaysia kerana dapat menembusi pasaran perniagaan di China dan jumlah transaksi ini dijangka akan meningkat apabila syarikat berkenaan membuat rundingan lanjutan dengan pelabur-pelabur China kelak.”

Ekspo tersebut turut disertai oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Maktab Kerjasama Malaysia Berhad (MKM), Persatuan Francais Malaysia (MFA), Koperasi Peneroka Sungai Tengi Berhad dan Koperasi Telekom Malaysia Berhad.

Selain menyertai dengan aktiviti pameran, KPDNKK turut menganjurkan Forum Perniagaan China – Malaysia yang menyaksikan penglibatan wakil daripada pihak berkuasa tempatan Beijing, Persatuan Francais China serta wakil agensi di bawah KPDNKK iaitu SSM dan PNS membincangkan isu-isu mengenai prosedur dan peluang perniagaan di China dan Malaysia.



8 Mei 2011 - Forum perniagaan yang telah dipengerusikan oleh Timbalan KSU, Dato' Daud Tahir (Tengah) membincangkan peluang perniagaan yang boleh diceburi di Malaysia dan China.

Jelas Ismail Sabri lagi, melalui forum tersebut ia secara langsung akan membuka peluang kepada para peserta untuk mendalami peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi di sama ada di China atau di Malaysia dan perkara ini secara tidak langsung dapat mengukuhkan hubungan ekonomi kedua-dua negara.

“Melihat kepada sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung ia diharap dapat menjadi titik permulaan ke arah hubungan perdagangan yang lebih kukuh di samping dapat mengeratkan hubungan sedia ada.

“Pihak KPDNKK percaya banyak peluang yang boleh diterokai oleh usahawan tempatan yang ingin mengembangkan perniagaan di China dan Kementerian akan sentiasa memberi bantuan serta sokongan bagi menjayakan misi terbabit. Bagi syarikat-syarikat daripada China yang memberikan sokongan dan galakan yang berterusan dengan memperkenalkan polisi yang lebih mesra kepada peniaga asing untuk memulakan perniagaan di Malaysia.” ujar beliau.

SELAMAT  
POKAI  
HUTANG  
MUFLIS

## TIPS BERGUNA

### PENGURUSAN KEWANGAN

- ✓ Berdisiplin dan berusaha untuk hidup berdasarkan kemampuan diri
- ✓ Tahu membezakan antara 'keperluan' dan 'kemahuan'
- ✓ Rajin menabung dan sabar menanti
- ✓ Kaji semula pendapatan dan perbelanjaan
- ✓ Cari ilmu kewangan atau dapatkan khidmat nasihat perancang yang bertauliah

"Sahabat yang baik adalah sinar kehidupan"

John Hay

"Kegembiraan yang dikongsi bersama adalah kegembiraan yang berganda"

Johann Wolfgang von Goethe

"Seorang pengecut tidak mampu menunjukkan cinta; ia adalah hak istimewa orang yang berani."

Mahatma Gandhi



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

# PENGENALAN PEKERJA BARU

(Kemasukan dari bulan April hingga Jun 2011)



**EZATUL ZURIA BINTI AHMAD AZHARI**  
GRED 52  
BAHAGIAN POLISI & PEMBANGUNAN  
KORPORAT

**WAN MOHD AMIR BIN WAN ABDULLAH**  
GRED 47  
NEGERI JOHOR




**FELICIA SONG OON CHIN**  
GRED 52  
BAHAGIAN POLISI & PEMBANGUNAN  
KORPORAT

**SURIANI BINTI MOHD ROSSLI**  
GRED 47  
NEGERI PERAK



**JEGATHEESAN A/L GOVINTHARAJ**  
GRED 52  
BAHAGIAN POLISI & PEMBANGUNAN  
KORPORAT

**MOHAMMAD ARIF NIZAM BIN ABDULLAH**  
GRED 52  
BAHAGIAN POLISI & PEMBANGUNAN  
KORPORAT



**NOR JIHAN BINTI SAPAWI**  
GRED 50  
BAHAGIAN SIASATAN

**IZI ROHAIZAD BIN ABDUL SHUKOR**  
GRED 50  
NEGERI PERAK



**MUHAMAD MUSTAQIM BIN SHAMSUDIN**  
GRED 47  
NEGERI JOHOR

**ABDUL HALIM BIN MOHD HASSAN**  
GRED 50  
BAHAGIAN SIASATAN



**MOHD NAJIB BIN MOHD RADZI**  
GRED 47  
BAHAGIAN PEMATUHAN

**EZARUL EZWAN BIN YUSOFF**  
GRED 47  
BAHAGIAN AKADEMI LATIHAN



**SHED AZHAR BIN ROSMAN**  
GRED 47  
NEGERI KEDAH

**WAN MOHD FADZLI BIN WAN ABD AZIZ**  
GRED 47  
CAWANGAN TEMELOR



**AZRUL FIKRI BIN AHMAD**  
GRED 47  
NEGERI JOHOR

**AHMAD SYAFIQH BIN MAHABOOB ALI**  
GRED 47  
NEGERI PULAU PINANG



**JOHARI BIN MOHAMED SHAH**  
GRED 47  
NEGERI PERLIS

**MUHAMMAD FIRDAUS BIN JAFFERY**  
GRED 47  
NEGERI KEDAH

**SUZANA BINTI ANUAR**  
GRED 45  
NEGERI PERAK

**MUHAMMAD SHAWAL AZIZI BIN  
AHMAD NADZRI**  
GRED 47  
NEGERI PAHANG



**MUHYIDIN BIN AHMAD ZAINODEN**  
GRED 50  
NEGERI PERLIS

**HENDRA BIN MUSONIF**  
GRED 47  
BAHAGIAN SUMBER KORPORAT



Tahniah diucapkan kepada  
**Dato' Haji Muhammad Redzuan Bin Abdullah**  
(Pengarah Kanan Penguatkuasaan)

kerana telah dikurniakan  
**Pingat Darjah Indera Mahkota Pahang**

yang telah membawa gelaran Dato' (DIMP)  
pada 19 Mei 2011

bersempena  
**Keputusan Duli Yang Maha Mulia  
Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'ain  
Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar  
Ri'ayatuddin Al- Mu'adzam Shah**

bertempat di  
Istana Abu Bakar, Pekan Pahang.

Daripada Warga SSM



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

# TESTIMONIAL

Apakah pendapat anda tentang perkhidmatan yang disediakan oleh SSM pada masa kini?

**“ En. Subramaniam**  
Kuala Lumpur

Bagus, perkhidmatan di SSM kini jauh lebih baik. Kalau dulu kena tunggu lama, sekarang senang sebab dah ada sistem *online*.

**“ Puan Astifarini**  
Kedah

Perkhidmatan yang disediakan bagus kalau dibandingkan dengan dahulu. Tetapi sekiranya pihak SSM dapat menyediakan khidmat ‘peringatan’ untuk tarikh luput syarikat itu lebih baik.



**“ En. Chua**  
Kuala Lumpur

Saya baru pertama kali datang ke SSM untuk mendaftarkan perniagaan, setakat ini layanan dan servis yang disediakan oleh SSM amat memuaskan.

**“ Puan Lee Chew Chen**  
Kuala Lumpur

Setakat ini memang baik, servis yang cepat kalau dibandingkan dengan sistem dahulu.

M	D	A	M	L	A	Z	K	T	R	Y
W	I	N	S	O	L	V	E	N	S	I
H	V	A	N	U	Q	P	C	J	K	H
I	B	M	F	C	A	R	T	M	O	C
S	K	J	U	Z	C	V	B	Y	G	S
T	T	T	Q	Y	T	P	R	C	H	N
L	N	Y	X	D	N	N	P	O	A	J
E	E	I	N	F	O	E	T	I	L	G
B	M	A	M	P	U	M	S	D	A	N
L	E	D	H	T	W	G	J	Z	G	A
O	G	G	Y	E	N	S	O	W	G	T
W	D	A	L	O	K	W	S	P	N	A
E	O	S	K	I	M	K	U	T	U	S
R	L	R	O	L	R	H	K	D	T	A
Z	E	K	R	T	O	I	M	C	R	I
P	A	H	A	S	U	A	I	T	E	S

**FIKIR SEJENAK.....**

- |                                                                           |                                                         |
|---------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------|
| 1. Sekurang-kurangnya 2 orang tetapi tidak lebih 20 orang                 | 10. Tiada rakan kongsi                                  |
| 2. 1 Identiti Korporat                                                    | 11. Beli maklumat perniagaan dan syarikat secara online |
| 3. Pelaburan yang merugikan, mirip skim cepat kaya                        | 12. Liabiliti Perkongsian Terhad                        |
| 4. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010                                | 13. <i>Corporate Director Training Programme</i>        |
| 5. Pendaftaran Perniagaan dan Pembedaan Syarikat SSM secara <i>online</i> | 14. Orang Kena Saman                                    |
| 6. Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia           | 15. Unit Pembubaran                                     |
| 7. "..... adalah sedekah"                                                 | 16. <i>Exempt Private Certificate</i>                   |
| 8. Bahagian Akademi Latihan SSM                                           | 17. Pegawai yang mengendalikan Rakaman Percakapan       |
| 9. Salah seorang pegawai syarikat                                         | 18. <i>Anti-Money Laundering Act 2001</i>               |
|                                                                           | 19. Agensi MyColD                                       |
|                                                                           | 20. <i>Malaysian Institute of Accountants</i>           |



Nombor Identiti Korporat Malaysia atau nama ringkasnya MyCoID merujuk kepada nombor pemerbadanan syarikat.

MyCoID digunakan sebagai sumber rujukan tunggal yang menggantikan penggunaan pelbagai nombor untuk pendaftaran dan transaksi oleh agensi Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan.



Penyeteman Memorandum & Artikel (M&A), proses membeli, meletak dan membatalkan setem hasil kini boleh dilakukan di SSM melalui konsep interaksi satu kaunter ("*single counter interaction*").



Pelanggan yang menggunakan Perkhidmatan 1 Hari Pemerbadanan Syarikat boleh mendapatkan Pakej Pasca Pemerbadanan 1 Hari yang merangkumi buku-buku statutori, sijil saham dan materai syarikat pada harga RM100.00 yang mana adalah lebih murah berbanding harga pasaran.




Tahukah anda ...?







# MyCoID



## Identiti Korporat


Perkongsian Pintar Bersama  
Pelbagai Agensi Kerajaan

**Rakyat Didahulukan  
Pencapaian Diutamakan**

**MyCoID** adalah nombor syarikat yang dikeluarkan oleh SSM dan digunakan untuk berurusan di semua agensi berkaitan.

Dengan Kerjasama:







## Kerana Mahu Cepat Kaya, Ramai Individu Terpedaya.

Oleh Zunaidah Zainon  
(Dipetik daripada akhbar Utusan Malaysia)

**M**anusia mudah tertarik untuk menikmati gaya hidup mewah, sekalipun menyedari laluan yang dipilih itu adalah salah. Ini akhirnya mengundang padah kerana jalan pintas untuk bergelar 'orang kaya' itu bukanlah satu pilihan yang tepat.

Lebih memburukkan keadaan, duit yang ada dilaburkan hingga 'hangus' dan tinggal sehelai sepinggang akibat ditipu skim cepat kaya. Persoalannya, siapakah yang bersalah? Adakah mereka yang membuka syarikat pelaburan yang tidak sah atau nafsu kita untuk menjadi orang kaya sentiasa membuak-buak hingga terlupa yang mana baik dan buruk?

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebelum ini juga telah melaporkan aktiviti pengumpulan wang orang ramai melalui skim kutu yang telah diambil tindakan pendakwaan melibatkan jumlah yang amat besar iaitu hampir RM100 juta dan terdapat keadaan di mana penganjur skim kutu mengaut keuntungan hampir RM3.7 juta dalam tempoh tujuh bulan sahaja.

Bagi membendung masalah ini, kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa menjalankan pemantauan dan penguakuasaan undang-undang. Tahun ini, denda sehingga RM500,000, iaitu 100 kali ganda lebih tinggi daripada sebelum ini, menanti mana-mana syarikat yang menganjurkan perniagaan skim kutu apabila pindaan pada Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 diluluskan kelak.

Cadangan memperuntukkan kenaikan denda maksimum daripada RM5,000 kepada RM500,000 itu antara yang terkandung dalam Rang Undang-Undang (Larangan) Kumpulan Wang Kutu (Pindaan) 2011.

Sebagai badan yang bertanggungjawab, SSM menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan tidak ketinggalan memainkan peranan penting untuk memupuk budaya bijak melabur dalam kalangan rakyat Malaysia melalui pendekatan seimbang.

**S**uatu waktu dulu, Skim Cepat Kaya Pak Man Telo begitu popular di negara ini. Masing-masing memasang impian untuk menjadi jutawan walaupun hanya melabur beberapa ribu sahaja.

Namun, di sebaliknya ramai yang tidak tahu bahawa skim pelaburan itu bakal mengundang padah kerana akhirnya mereka ditipu.

Hal ini diakui Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Dato' Azmi Ariffin dalam usaha pihaknya menangani isu skim pelaburan tidak sah yang masih lagi menjadi satu trend masyarakat hingga ke hari ini.

Mudah sahaja ungkapan beliau, ketika diminta mengulas mengenai masalah ini, "Semua orang ingin jadi kaya tetapi ramai juga yang tidak menyedari jalan pintas itu belum tentu membuahkan kejayaan," katanya.

Beliau menjelaskan, secara tradisionalnya, pelaburan dalam perniagaan dibuat melalui suntikan modal oleh pemilik perniagaan atau terbitan saham oleh syarikat.

Selain itu, terdapat keadaan di mana sesebuah syarikat akan mendapatkan bantuan kewangan daripada institusi-institusi kewangan atau pun kerajaan.

"Bagaimanapun, konsep pelaburan seperti ini telah berubah mengikut peredaran masa. Dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu, para usahawan menghadapi masalah untuk membiayai perniagaan mereka melalui pembiayaan daripada institusi kewangan disebabkan syarat-syarat ketat yang dikenakan ke atas setiap permohonan. Oleh itu, skim pelaburan bersama telah menjadi semakin popular di negara ini," katanya.

Skim kepentingan secara amnya bermaksud penglibatan satu kumpulan pelabur secara kolektif dalam sesuatu kepentingan melalui sumbangan wang.

Dengan kata lain, skim ini merupakan salah satu cara perniagaan yang melibatkan pengumpulan wang daripada orang ramai bertujuan untuk memperolehi satu kepentingan di dalam skim tersebut.

Memandangkan kepada kaedah perniagaan melalui skim ini yang membabitkan kos pembiayaan yang rendah oleh penganjur dan seterusnya dapat memberi pulangan yang lumayan kepada para peserta, skim tersebut menjadi begitu popular kerana mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai.

Beliau berkata, kepentingan yang dimaksudkan termasuk

kemudahan dan servis yang disediakan, keuntungan atau pulangan, bergantung kepada jenis skim yang ditawarkan.

Bagi skop skim pelaburan di bawah Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 pula melibatkan larangan menjalankan perniagaan penganjuran pengumpulan wang kutu.

Seperti mana yang terkandung dalam Seksyen 2(1) Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971, ia bermaksud, "Rancangan atau perkiraan yang dikenali dengan pelbagai nama seperti kutu, cheetu, chit fund, hwei, tontine atau sebagainya di mana peserta membayar yuran secara berkala atau selainnya kepada suatu kumpulan wang bersama dan kumpulan wang itu dijual atau dibayar kepada peserta dengan cara lelongan, tender, undian atau selainnya dan termasuklah apa-apa rancangan atau perkiraan daripada pelbagai jenis seperti kutu, cheetu, chit fund, hwei atau tontine."

"Akta yang sama juga menjelaskan, adalah menjadi satu kesalahan di sisi undang-undang sekiranya seseorang itu menjalankan perniagaan yang tidak sah," tegas beliau.

Menurutnya, sesuatu skim pelaburan itu dianggap tidak sah oleh SSM sekiranya skim yang ditawarkan itu memenuhi kriteria skim kepentingan dan tidak didaftarkan di SSM termasuk perniagaan penganjuran wang kutu.

Ia termaktub di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971.

Bagaimanapun, beliau tidak menolak bahawa masih terdapat segelintir masyarakat yang tidak mengendahkan amaran kerajaan mengenai operasi skim pelaburan ini sebaliknya begitu taksub untuk mendapat pulangan lumayan.

"Apa yang sering berlaku di negara kita boleh diibaratkan seperti sudah jatuh baru nak terngadah. Sejarah telah mengajar kita supaya mengambil sikap berhati-hati dalam membuat pelaburan. Pengajaran ini boleh didapati daripada kegagalan Skim Cepat Kaya Pak Man Telo itu sendiri adalah salah satu contoh klasik yang boleh dirujuk oleh kita semua.

"Namun begitu, apabila dihadirkan dengan pelbagai janji manis terutama melibatkan pulangan pelaburan tinggi, tempoh masa pelaburan yang singkat dan mudah, kita terus menjadi gelap mata dan menyertai sesuatu skim pelaburan yang ditawarkan itu tanpa berfikir panjang," ujar beliau mengenai sikap degil masyarakat hari ini.

Beliau berkata, SSM sendiri pernah berhadapan dengan situasi apabila mengambil tindakan pencegahan di peringkat



**Dato' Azmi Ariffin**

TONTINE

CHIT FUND

AWAS

HWEL

KUTU

CHEETU

---

kaedah, antaranya, pengiklanan di media, laman web, risalah, tampalan notis di tempat awam, panggilan telefon dan melalui peserta-peserta yang telah memasuki skim tersebut.

Dalam taklimat yang diadakan, orang ramai akan diyakinkan melalui beberapa testimoni pelabur sebelum ini. Malah, dalam satu kes, para peserta akan dibawa melawat ke tempat yang kononnya dibangunkan oleh penganjur sebagai jaminan ketulenan skim yang ditawarkan itu.

Nampak lebih meyakinkan, surat perjanjian dan kontrak mengenai skim pelaburan akan ditandatangani kedua-dua pihak. Dalam masa sama, orang ramai diyakinkan mengenai status perniagaan atau syarikat yang didaftarkan atau diperbadankan di SSM.

Mengikut aduan orang ramai, kebiasaannya, mereka hanya menerima pulangan pelaburan dalam tempoh tiga hingga enam bulan pertama sebelum penganjur melarikan diri.

“...menerima pulangan pelaburan dalam tempoh tiga hingga enam bulan pertama sebelum penganjur melarikan diri.”

#### — Berselindung di Sebalik Kebenaran 2 —

**D**i sebalik kesibukan tugas yang bertimbun di pejabat, Yati (bukan nama sebenar), sering mengisi masa terluangnya dengan sesekali berbual di *facebook* bersama rakan-rakan bagi mengurangkan tekanan kerjanya.

Tanpa diduga, dia menerima satu kiriman e-mel mengenai pelaburan wang yang menjanjikan pulangan berlipat kali ganda. E-mel tersebut turut menyatakan, akan memberi jaminan pulangan wang jika tidak mendapat imbuhan dalam tempoh tertentu.

Cara untuk menyertainya juga cukup mudah. Yati hanya perlu memberi ‘sumbangan’ kepada peserta terdahulu dan kemudian dia akan menerima ‘sumbangan’ daripada peserta baru. ‘Sumbangan’ itu hanya perlu dibuat menggunakan wang Pos Malaysia di kaunter penganjur atau pengurus skim atau melalui e-pusat yang dilantik melalui pos.


Bagaimanapun, Yati mendapati ada beberapa ‘syarat’ yang dinyatakan amat mengelirukan. Misalnya, pulangan akan diberikan berdasarkan jenis skim yang dipilih peserta dan ada juga skim yang tidak memberi pilihan kepada peserta untuk menentukan penerima sumbangan.

Tambah mengelirukan Yati, bagaimana pelaburan hendak dibuat kerana ia tidak membabitkan sebarang produk yang diniagakan? Menganggap kiriman e-mel itu adalah satu perangkap, Yati terus melaporkan aduan kepada SSM.

Sebenarnya, skim kutu tersebut memerangkap orang ramai menerusi Internet. Bagi menarik lebih ramai penyertaan, penganjur menekankan konsep saling membantu sesama kaum atau agama sebagai tarikan orang ramai untuk menyertai skim berkenaan.



## SKIM-SKIM KEPENTINGAN YANG BERDAFTAR DENGAN SSM



- Kelab Golf & Rekreasi
- Kelab Golf & Rekreasi
- Skim Kongsimasa
- Kelab Golf & Rekreasi Melalui Saham
- Kelab Marina
- Kelab Rekreasi Melalui Saham
- Taman Memorial
- Skim Kongsitani

### Tindakan Serampang Dua Mata

**T**idak mahu imej negara dipandang negatif di kalangan pelabur asing, SSM mengambil pendekatan proaktif bagi memastikan aktiviti pelaburan ini dapat dibendung daripada menghantui penduduk di negara ini.

Dalam konteks ini, menjadi hasrat SSM untuk mewujudkan persekitaran ekonomi yang selamat dan sihat di Malaysia. Ia diterjemahkan melalui pengenalan kerangka kawal selia korporat yang efektif dikenali sebagai Pendekatan Penguatkuasaan Seimbang (*Balanced Enforcement Approach*).

Bertindak dalam serampang dua mata, SSM memberi tumpuan kepada mendidik dan menyedarkan masyarakat termasuk penganjur skim pelaburan di samping mengambil tindakan berasaskan penguatkuasaan undang-undang.

Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Azmi Ariffin berkata, melalui penguatkuasaan secara proaktif, pihaknya memantau aktiviti penawaran skim pelaburan yang dijalankan melalui media dan Internet.

SSM juga, katanya, bertindak menerusi aduan yang dibuat orang ramai berhubung skim pelaburan tersebut.

Sepanjang 2010, katanya, SSM memantau 151 skim pelaburan yang ditawarkan kepada orang ramai dan 29 aktiviti berkaitan pengumpulan wang deposit melalui pemantauan proaktif.

Aktiviti pemantauan dijalankan bagi memastikan status skim sama ada tergolong di dalam skim kepentingan atau tidak. Ini juga bagi memastikan aktiviti pengumpulan wang deposit tersebut termasuk di dalam kategori pengumpulan wang kutu.

Bagi kes aduan pula, daripada 214 kes diterima, didapati 119 kes aduan melibatkan sektor asas tani terutama penternakan cacing, lembu, penternakan ikan patin dan sarang burung.

Selain itu, antara aduan yang diterima oleh SSM termasuk pelaburan dalam emas, khidmat pesanan ringkas (SMS), *vending machine*, ais krim, hartanah dan keahlian.

“Menerusi pendekatan yang diambil, setelah dipastikan ketulenan sesuatu skim pelaburan yang ditawarkan, SSM akan memanggil penganjur skim untuk menghadiri sesi taklimat bagi menjelaskan kehendak-kehendak berkaitan skim kepentingan,” jelasnya.

Tambah beliau, penganjur turut dinasihatkan supaya mendaftarkan skim tersebut bagi membolehkan ia ditawarkan secara sah.

Sekiranya pihak penganjur masih enggan mendaftarkan skim tersebut dan masih menawarkannya kepada orang ramai, tindakan undang-undang akan diambil dan memohon kepada mahkamah supaya skim pelaburan itu didaftarkan di SSM bagi melindungi kepentingan orang ramai.

Bagaimanapun, katanya, jika didapati skim pelaburan yang ditawarkan itu disyaki dianjurkan dengan niat untuk menipu orang ramai atau tidak dibenarkan undang-undang, SSM akan mengambil tindakan membekukan aset-aset penganjur dan seterusnya mengambil tindakan pendakwaan terhadap mereka yang terlibat.

Setelah kesalahan tersebut disabitkan mahkamah, tindakan menyenaraihitamkan individu-individu yang terlibat akan diambil supaya mereka tidak boleh terus-menerus menipu orang ramai dengan bertopengkan identiti perniagaan atau syarikat.

Selain itu, SSM juga boleh mengambil tindakan undang-undang secara sivil bagi menahan skim pelaburan tersebut ditawarkan kepada orang ramai.

“Bagi skim pelaburan tidak sah yang dijalankan melalui perniagaan, sama ada pemilikan tunggal atau perkongsian, tindakan pembatalan pendaftaran perniagaan akan diambil bagi menyekat perniagaan tersebut,” ujar beliau.

Tahun lalu, didapati 19 perniagaan yang terlibat dalam aktiviti pengumpulan wang kutu telah dibatalkan pendaftaran perniagaannya. Sekiranya hasil pemantauan mendapati kesalahan yang mungkin dilakukan oleh pihak-pihak yang terlibat adalah di luar bidang kuasa SSM, maka kes tersebut akan dirujuk kepada lain-lain agensi penguatkuasaan yang berkaitan untuk tindakan lanjut.

Oleh itu, kewujudan jaringan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan amat ditekankan melalui Pendekatan Penguatkuasaan Seimbang.

### **Kerjasama strategik dengan agensi penguatkuasaan**

Sejajar dengan peranan SSM yang semakin mencabar hari ini, kerjasama membabitkan agensi penguatkuasaan amat

penting untuk memastikan masalah tersebut dapat diatasi dengan lebih berkesan.

Menerusi penubuhan Jawatankuasa Membanteras Jenayah Kolar Putih yang diterajui SSM, terdapat enam agensi terlibat iaitu Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Polis Diraja Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Di samping itu, Akademi Latihan SSM (Comtrac), tidak ketinggalan memainkan peranan penting dengan memupuk nilai-nilai kesedaran bagi mendidik orang ramai supaya menjalankan perniagaan dengan penuh berintegriti.

Sehingga kini, Comtrac telah menjalankan empat sesi taklimat mengenai skim kepentingan. Pada masa sama, SSM juga sentiasa menyalurkan maklumat berkaitan isu-isu semasa terutama berkaitan aktiviti penguatkuasaan sebagai salah satu langkah memberi kesedaran kepada orang ramai.

SSM juga telah mengenalpasti trend popular penawaran skim pelaburan yang ditawarkan kepada orang ramai oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab menerusi pengiklanan di blog, forum dan *facebook*.

Justeru, hasil daripada pemantauan SSM melalui Internet akan dikongsi bersama agensi penguatkuasaan melalui satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Pasukan Petugas Operasi Membanteras Laman Web dan Blog yang Melanggar Undang-Undang Negara di bawah Majlis Keselamatan Negara. Tindakan akan diambil oleh agensi-agensi berkaitan terutama oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

### **Akta Syarikat 1965 dipinda**

Bagi memudahkan semua pihak memahami kehendak undang-undang berkaitan skim kepentingan, SSM dalam proses meminda peruntukan Akta Syarikat 1965 berkaitan skim kepentingan.

Inisiatif tersebut dijangka memberi manfaat kepada semua pihak terutama penganjur skim dan para peserta dalam memahami undang-undang yang mengawalselia skim tersebut.

Selain itu, ujar Azmi, SSM juga menyarankan supaya lapan lagi kesalahan di bawah Akta Syarikat 1965 dimasukkan sebagai kesalahan predikat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLAATFA) sebagai tambahan kepada tiga kesalahan sedia ada.

Dalam pada itu, katanya, pindaan terhadap Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 dengan cadangan untuk meningkatkan jumlah hukuman kepada RM 500,000 dan penjara 10 tahun terhadap pihak-pihak yang menjalankan perniagaan penganjuran wang kutu.

Cadangan pindaan terhadap Akta tersebut telah dibentangkan di Parlimen baru-baru ini dan menunggu untuk diluluskan pada bila-bila masa sahaja. Kesalahan di bawah Akta ini telah diluluskan untuk dijadikan kesalahan predikat di bawah AMLAATFA.





Hukuman 100 kali ganda  
menanti pesalah skim kutu

## SEPINTAS LALU MENGENAI SKIM CEPAT KAYA

# PAK MAN TELO

**M**endengar nama Osman bin Hamzah, majoriti daripada kita tidak mengenalinya. Tetapi apabila disebut Skim Pak Man Telo, tentu ramai di antara kita yang masih dapat mengingati skim cepat kaya yang pernah popular seawal tahun 1970-an hingga 1990-an.

Osman bin Hamzah adalah pengasas Skim Pak Man Telo. Tanpa mempunyai kelulusan tinggi, dia telah berjaya menganjurkan sebuah skim pelaburan piramid yang kompleks dan telah menarik penyertaan lebih 50,000 orang pelabur termasuk golongan professional dan pegawai kerajaan, dengan nilai pelaburan mencecah RM99 juta. Skim tersebut dijalankan menerusi perniagaan miliknya, Pestama Enterprise yang beroperasi di Taiping, Perak.

Sebelum menjadi terkenal, Osman adalah seorang wartawan sambilan Bernama. Kini, namanya diingati sebagai salah seorang pelopor skim cepat kaya yang masih wujud di negara ini.

Populariti Skim Pak Man Telo menjalar ke seluruh negara dan di saat kegemilangannya, skim tersebut pernah menjanjikan pulangan dividen sehingga 12% kepada para pelaburnya. Bagi meyakinkan orang ramai supaya menyertai skim pelaburan anjurannya, dia mendakwa perniagaan miliknya terlibat di dalam bidang hartanah, pengeluaran makanan, barang plastik dan elektrik, komputer, perhotelan, kasut dan pemilikan saham beberapa syarikat utama.

Setelah dijamu dengan perkhawaran kemantapan perniagaan milik Osman dan pulangan pelaburan dalam tempoh yang singkat, lebih ramai penduduk di negara ini menyertai skim pelaburan tersebut, tanpa menyedari aktiviti pelaburan tersebut adalah menyalahi undang-undang.

Namun begitu, kemuncak populariti Skim Pak Man Telo mula menemui titik noktahnya apabila Osman dihadapkan ke mahkamah pada 11 Januari 1990 atas pertuduhan melakukan kesalahan di bawah seksyen 6(4) Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 kerana mengambil deposit daripada orang ramai tanpa lesen yang sah. Osman telah mengaku bersalah dan dijatuhi hukuman denda RM250,000. Denda tersebut dijelaskan oleh Osman.

Bank Negara Malaysia mengambil tindakan untuk menuduh Osman, selepas lama memantau Skim Pak Man Telo. Turut dikhabarkan, semasa serbuan dilakukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) terhadap Osman, pihak berkuasa tersebut turut merampas sejumlah RM1.7 juta wang tunai daripada pengasas skim cepat kaya itu.

Menurut rekod, Osman telah didakwa di mahkamah sebanyak dua kali dan pendakwaan kali kedua dijalankan pada 17 Julai 1991 pada usia 65 tahun atas pertuduhan kesalahan yang sama. Walaupun Osman pada mulanya membuat pengakuan tidak bersalah, tetapi kemudiannya telah menukar pengakuan bersalah pada hari pertama perbicaraan dijalankan. Akhirnya, mahkamah telah menjatuhkan hukuman setahun penjara dan denda RM500,000 atau tambahan setahun penjara sekiranya gagal membayar denda. Osman gagal membayar denda dan dipenjarakan selama dua tahun bermula 17 Julai 1991.

Selepas dihadapkan ke mahkamah buat kali pertama, orang ramai mula berasa sangsi terhadap Skim Pak Man Telo terutamanya apabila kedengaran ada pelabur yang tidak lagi menerima pulangan pelaburan. Menyedari situasi tersebut, pelbagai alasan telah diberikan kepada para pelabur oleh Osman, antara alasan yang telah diberikan adalah krisis Perang Teluk dan rampasan dokumen oleh BNM.

Operasi skim tersebut pernah dihentikan sementara oleh Osman dengan alasan dalam proses 'menghalalkan' skim cepat kaya itu dengan mengikut konsep pelaburan anjuran Bank Islam yang tidak memberi pulangan yang berganda kerana berunsurkan 'riba'.

Osman juga pernah dikenakan hukuman buang daerah di Kampung Terong, Kuala Berang, Hulu Terengganu di Terengganu mengikut Ordinan Darurat.

Setelah bosan mendengar alasan-demi alasan yang diberikan oleh Osman akibat kegagalan membayar dividen yang telah dijanjikan, anak lelaki Osman telah diculik oleh sekumpulan enam orang lelaki pada 1991. Tujuan penculikan itu bertujuan memaksa Osman mengembalikan wang RM426,767 yang telah dilaburkan oleh mereka. Walaupun berjaya ditahan dan empat orang penculik didakwa di mahkamah, mereka hanya dijatuhi hukuman ringan, iaitu denda RM100 atau tiga bulan penjara.

Osman dan keluarganya juga telah disaman oleh para pelabur yang tidak mendapat kembali wang pelaburan mereka berjumlah jutaan ringgit. Tindakan saman itu dimulakan bagi menghalang Osman atau ahli keluarganya daripada mengeluarkan atau memindahkan wang yang didakwa milik para pelabur.

Osman mengakhiri hayatnya di Kuala Berang, Terengganu pada 22 Disember 1997 di usia 70 tahun semasa masih dalam perintah buang daerah.

(sumber daripada internet)



**KALENDAR PERISTIWA**



# Direktori

## LANGKAWI

Pusat Perkhidmatan Suruhanjaya Syarikat Malaysia No 4, Aras Mezzanine, Kompleks LADA, Jalan Perisiran Putra, 07000 Langkawi, Kedah.  
Tel : 04-966 7943  
Faks : 04-966 5318

## PERLIS

Tingkat 8, Bangunan KWSP, Jalan Bukit Lagi, 01000 Kangar, Perlis.  
Tel : 04-978 1877 / 976 7899 / 977 3182  
Faks : 04-977 4758

## KEDAH

Tingkat 10, Menara Sentosa, Jalan Tunku Ibrahim, 05621 Alor Setar, Kedah.  
Tel : 04-733 0111  
Faks : 04-731 5517

## PULAU PINANG

Tingkat 6-7, Bangunan KWSP, No. 3009, Off Leboh Tenggiri 2, Bandar Seberang Jaya, 13700 Pulau Pinang.  
Tel : 04-397 7793  
Faks : 04-397 7713

## PERAK

Tingkat 2C, Greentown Mall, Jalan Hospital, 30450 Ipoh, Perak.  
Tel : 05-241 6900 / 254 7913 / 253 3071  
Faks : 05-255 7162

## SELANGANG

Lobi, Blok A Majlis Perbandaran Selayang 68100 Batu Caves, Selangor.  
Tel : 03-6120 2642  
Faks : 03-6120 2641

## PUTRAJAYA

Kaunter Khidmat Pengguna, Aras G Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kewangan, (KPDNKK) No. 13, Perisiran Perdana Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62623 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.  
Tel : 03-8882 6509/6480

## IBU PEJABAT - KUALA LUMPUR

Menara SSM@Sentral SURUHANJAYA SYARIKAT MAALAYSIA (ROB) Tingkat 16, Putra Place, 100 Jalan Putra, Kuala Lumpur Sentral 50623 Kuala Lumpur.  
Tel : 03-4043 0811  
Tel : 03-2299 4400  
Faks : 03-2299 4411  
Hotline: 03-2299 5500  
E-mel : enquiry@ssm.com.my

## NEGERI SEMBILAN

Aras 3, Wisma Perkeso, Lot 3757 & 52 Jalan Sungai Ujong, 70000 Seremban, Negeri Sembilan.  
Tel : 06-761 9098 / 761 5506 / 06-764 1885 / 764 5598  
Faks : 06-765 5877

## KELANTAN

Tingkat 2, 3 & 4, Kota Sri Mutiara, Jalan Sultan Yahya Petra, 15150 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel : 09-748 2860 / 748 4589  
Faks : 09-744 7622 / 747 2607

## TERENGGANU

Tingkat 6-7, Menara Yayasan Islam, Jalan Sultan Omar, 20300 Kuala Terengganu, Terengganu.  
Tel : 09-623 7170 / 623 7172  
Faks : 09-623 0945 / 623 7172

## PAHANG

Lot 202-216, Tingkat 2, Block B, Kuantan Centre Point, Jalan Haji Abdul Rahman, 25000 Kuantan, Pahang.  
Tel : 09-516 4866 / 516 4600  
Faks : 09-516 1869 / 516 3316

## TEMERLOH

No. 15 & 16, Aras Bawah, Jalan Ahmad Shah 28000 Temerloh, Pahang, Darul Makmur.  
Tel : 09-296 4800/6500  
Faks : 09-296 0010

## SELANGOR

Tingkat 3 & 4, Plaza Alam Sentral, Jalan Majlis, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.  
Tel : 03-5511 6500 / 5513 9570 / 5513 5997 / 5513 3976  
Faks : 03-5510 4200 (Tingkat 3) / 03-5510 6200 (Tingkat 4)

## JOHOR

Podium 4B & 5, Menara Ansar, 65 Jalan Trus, 80000 Johor Bahru, Johor.  
Tel : 07-223 3589 / 224 4710 / 224 4708  
Faks : 07-224 1714 / 224 8169

## MUAR

No. 1, Jalan Perdagangan, Off Bulatan Jalan Bakri, 84000 Muar, Johor.  
Tel : 06-954 6611 / 954 7711  
Faks : 06-954 6600

## MELAKA

Aras Bawah Menara MITC, Kompleks MITC, Jalan Konvensyen 75450 Ayer Keroh, Melaka.  
Tel : 06-231 1717  
Faks : 06-231 3502

## SABAH

Tingkat 4, Menara MAA, 6 Lorong Api-Api, Locked Bag 2039, 88999 Kota Kinabalu, Sabah.  
Tel : 088-233 551 / 233 346  
Faks : 088-237 884

## TAWAU

TB 4444, GF & 1st Floor, Block F, Sabindo Square, Jalan Dunlop, 91018 Tawau, Sabah.  
Tel : 089-750 585 / 752 585  
Faks : 089-754 585

## W.P. LABUAN

No. 6A1 & 6A2, Tingkat 6, Block 4, Kompleks Ujana Kewangan, Jalan Merdeka, 87000 Wilayah Persekutuan Labuan.  
Tel : 087-414 100  
Faks : 087-414 152

## MIRI

Aras Bawah, Plaza Yu Lan, 97, Jalan Brooke, 98008 Miri, Sarawak.  
Tel : 085-424 777 / 421 117  
Faks : 085-422 225


## SARAWAK

Tingkat 2 & 3, Wisma STA, 26 Jalan Datuk Abang Abdul Rahim, 93450 Kuching, Sarawak.  
Tel : 082-481 489  
Faks : 082-334 622

## KEKUNCI

IBU PEJABAT  
PEJABAT NEGERI

PEJABAT CAWANGAN  
PUSAT PERKHIDMATAN



# PERISTIWA BERGAMBAR



## TANAH RUNTUH DI RUMAH ANAK-ANAK YATIM AT-TAQWA, HULU LANGAT DI HOSPITAL AMPANG

Menteri PDNKK Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob menyampaikan sumbangan daripada warga SSM berbentuk wang tunai kepada keluarga mangsa kejadian tanah runtuh di Hulu Langat sambil disaksikan oleh KPE SSM Dato' Azmi Ariffin.



SSM, MyIPO, Bank Rakyat dan MKM memberi sumbangan berupa makanan dan minuman kepada mangsa tanah runtuh di Hospital Ampang.



Hospital Ampang memberikan penerangan kepada Setiausaha Akhbar Menteri PNDKK dan Fazli Zainal.



TKPE (Perkhidmatan) Puan Zahrah Abd Wahab Fenner bersama Dato' Dini melawat salah seorang mangsa tanah runtuh.



Salah seorang mangsa menceritakan detik-detik cemas semasa kejadian kepada Puan Zahrah.



5 Setiausaha Akhbar Menteri PDNKK Dato' Ruhaidini bersama SSM, MyIPO dan Bank Rakyat diperkarangan Hospital Ampang.



## ANUGERAH KPDNKK

Shahren Yusri mewakili SSM menerima anugerah agensi paling proaktif daripada KPDNKK yang disampaikan oleh Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob pada 26 Mei 2011.

## PERSIDANGAN KEBANGSAAN SSM 2011



Peserta yang mengikuti Persidangan Kebangsaan 2011 di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah, Tingkat 10, Menara SSM @Sentral.



Dato' Azmi Bin Ariffin memberi cenderahati kepada Dato' Mohd Zain sambil diperhatikan oleh Prof. Dr. Aishah Bidin.



Datuk Mohd Zain Mohd Dom KSU KPDNKK merasmikan Persidangan Kebangsaan 2011.



Booth Pameran produk dan servis SSM.



Delegasi world bank dibawa melawat ke kaunter di tingkat 17, Menara SSM@Sentral untuk melihat proses kerja pemerbadanan syarikat sambil diperhatikan oleh Dato' Azmi Ariffin (kanan)

## LAWATAN DELEGASI WORLD BANK KE SSM





# BILIK DAN KEMUDAHAN UNTUK DISEWA Menara SSM@SENTRAL

## TINGKAT 10 - AUDITORIUM

- 325 pax (Upper & Lower)
- **Sound Reinforcement System**
  - Powered loudspeker
  - CD recorder system
  - Audio receptacle panel
  - Wireless Mic
  - Vocal Mic
- **Visual Projection System**
  - LCD Projector
  - DVD / CD / MP3 Player
  - Motorized Projector Screen
  - Video / stereo receptacle panel
- **Lighting System**
  - 12 x 2 channel lighting console
  - Motorized curtain system

KADAR\* : RM3,000.00



## TINGKAT 10 - BILIK ANTARABANGSA

- 67 pax
- **Sound Reinforcement System**
  - 16 input size mixer
  - Wireless handheld mic
  - Powered loudspeaker
  - Audio receptacle panel
- **Visual Projection System**
  - DVD / CD / MP3 player
  - LCD projector
  - Motorized projector screen
  - RGB / Stereo audio receptacle panel

KADAR\* : RM1,000.00



## TINGKAT 13 - BILIK DEBAT

- 16 pax
- PC Dell Optiplex
- Power & network socket

KADAR\* : RM450.00





### TINGKAT 13 - BILIK LATIHAN KOPORAT

- 40 pax
- Rostrum
- PC Dell Optiplex
- Telephone (4468)
- Manual Projector Screen
- Glass Board

KADAR\* : RM600.00



### TINGKAT 13 - BILIK LATIHAN KEWANGAN

- 30 pax
- Manual projector screen
- PC Dell Optiplex
- Telephone
- Power & network socket

KADAR\* : RM600.00



### TINGKAT 13 - BILIK LATIHAN PERUNDANGAN

- 30 pax
- Manual projector screen
- PC Dell Optiplex
- Telephone
- 9 Rostrum
- Power & network socket

KADAR\* : RM600.00



### TINGKAT 18 - BILIK SERINDID

- 36 pax
- Sound Reinforcement System
  - 16 input size mixer
  - Wireless handheld mic
  - Powered loudspeaker
  - Audio receptacle panel
- Visual Projection System
  - DVD / CD / MP3 player / LCD projector
  - Motorized projector screen
  - RGB / Stereo audio receptacle panel
- Conference System
  - Conference mic (delegate 15 unit, chairman 1 unit)
  - Control unit

KADAR\* : RM600.00



### TINGKAT 18 - BILIK TIONG

- 10 pax
- Telephone
- Glassboard
- Power & network socket

KADAR\* : RM450.00

\* Kadar penyewaan untuk sepanjang hari bekerja sahaja



### TINGKAT 18 - BILIK TERKUKUR

- 10 pax
- Telephone
- Glassboard
- Power & network socket

KADAR\* : RM450.00



### TINGKAT 18 - BILIK MERBOK

- 10 pax
- Telephone
- Glassboard
- Power & network socket

KADAR\* : RM450.00



### TINGKAT 18 - BILIK TEMPUA

- 10 pax
- Telephone
- Glassboard
- Power & network socket

KADAR\* : RM450.00



### TINGKAT 18 - BILIK MERPATI

- 10 pax
- Telephone
- Glassboard
- Power & network socket

KADAR\* : RM450.00



### TINGKAT 18 - BILIK RAJAWALI

- 10 pax
- Telephone
- Glassboard
- Power & network socket

KADAR\* : RM450.00





### TINGKAT 18 - BILIK JELATIK

- 12 pax
- Telephone
- Glassboard
- Power & network socket

KADAR\* : RM450.00



### TINGKAT 18 - BILIK CAMAR

- 8 pax
- Telephone
- Glassboard
- Power & network socket

KADAR\* : RM450.00



### TINGKAT 18 - BILIK SERBAGUNA

- 60 pax
- Sound Reinforcement System
  - 16 input size mixer
  - Wireless handheld mic
  - Powered loudspeaker
  - Audio receptacle panel
- Visual Projection System
  - DVD / CD / MP3 player / LCD projector
  - Motorized projector screen
  - RGB / Stereo audio receptacle panel

KADAR\* : RM1,000.00



### TINGKAT 18 - BILIK KEDIDI

- 16 pax
- Telephone
- Glassboard
- Power & network socket

KADAR\* : RM450.00



### TINGKAT 18 - BILIK MERBAH

- 16 pax
- Telephone
- Glassboard
- Power & network socket

KADAR\* : RM450.00

\* Kadar penyewaan untuk sepanjang hari berkerja sahaja



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi & Kepenggunaan



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



**Rakyat Didahulukan  
Pencapaian Diutamakan**

# HARI

## Pemerbadanan Syarikat

### Bercirikan:

- Interaksi satu-kaunter
- Penyeteman Memorandum & Artikel di SSM
- Pembelian buku-buku statutori, sijil saham dan meterai syarikat boleh dilakukan di kaunter SSM/laman web SSM
- Pewujudan kaunter advorisi pemerbadanan untuk membantu proses pemerbadanan

# JAM

## Pendaftaran Perniagaan

Untuk maklumat lanjut sila hubungi 03-22995500 atau layari [www.ssm.com.my](http://www.ssm.com.my)